

DPM Teo: Melayu ambil pendirian tegas terhadap ISIS



ENCIK TEO CHEE HEAN: Singapura perlu main peranan dan menyokong usaha antarabangsa mengawal ancaman yang ditimbulkan ISIS.

4 Nov 2014

ADLI YASHIR KUCHIT, HASLEEN BACHIK, ATIYYAH MOHD SAID dan ERVINA MOHD JAMIL

TIMBALAN Perdana Menteri merangkap Menteri Ehwat Dalam Negeri, Encik Teo Chee Hean, menekankan bahawa ancaman kumpulan militan yang menggelarkan diri mereka Negara Islam (ISIS) di Iraq dan Syria akan menjejaskan semua orang di semua negara.

Memberikan komennya mengenai penglibatan Singapura dalam usaha memerangi ISIS dalam satu kenyataan semalam, Encik Teo berkata:

"Singapura tidak terkecuali. Singapura perlu memainkan peranannya dan menyokong usaha antarabangsa dalam mengawal ancaman yang ditimbulkan ISIS.

"Ini menyumbang secara langsung kepada keselamatan kita sendiri," ujar Encik Teo.

Menurut beliau lagi, Singapura telah mengambil langkah meningkatkan hubungan kemasyarakatan.

"Pada masa yang sama, kami telah mengambil tindakan untuk mengukuhkan jalinan masyarakat serta mengatasi ideologi pelampau bagi mengelak warga Singapura daripada menjadi golongan radikal.

"Adalah menggembirakan melihat semua masyarakat berkerjasama dan menyokong satu sama lain dalam usaha kami mengatasi cabaran ini.

"Masyarakat Melayu Islam setempat, khususnya, telah mengambil pendirian tegas terhadap tindakan ganas ISIS dan mengambil langkah proaktif dalam melawan ideologi pelampau itu serta menolong semua yang menderita akibat keganasan di Timur Tengah," jelas Encik Teo lagi.

Awal dari ini, badan-badan Melayu/Islam setempat menyuarakan kesediaan menyokong padu sekiranya Singapura menyertai kesepakatan Amerika Syarikat dengan negara-negara lain dalam memerangi ISIS.

Malah, ada pertubuhan yang sudah menjalankan usaha meningkatkan bantuan kemanusiaan dalam usaha menolong rakyat Syria di samping usaha lain dalam membendung dan mematahkan ideologi pelampau.

Antaranya ialah Badan Agama Dan Pelajaran Radin Mas (Bapa), yang kini giat menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Syria.

Turut menawarkan bantuan serupa ialah SimplyIslam yang bekerjasama dengan Rangkaian Ekspatriat Muslim AMP (MEX) bagi menjalankan kempen Bantuan kepada Pelarian Syria di Turkey (Asrit).

Projek itu kini termasuk membina sekolah bagi membantu masyarakat di Syria.

Sementara itu, Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) telah mengedarkan risalah khas di masjid-masjid, yang bertujuan menjelaskan kekeliruan di sebalik khilafah Islam kumpulan militan ISIS, selain menerbit dan memuat naik klip video yang memaparkan ancaman ideologi kumpulan ISIS.

Baru-baru ini, Pejabat Mufti dengan kerjasama Berita Harian dan pusat pendidikan Andalus telah menganjurkan satu peraduan esei yang mengupas isu-isu berkaitan kesejahteraan siber, yang turut menyentuh tentang isu-isu penganasan dan pengaruh fahaman radikal terbit daripada Internet.